

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli
[Pandan]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan senaraikan setiap perjalanan jet Kerajaan ACJ320 sejak mula perkhidmatan hingga 31 Oktober 2015 dengan maklumat siapa yang menaiki, tujuan perjalanan dan kos yang ditanggung Kerajaan bagi setiap perjalanan itu.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

Sejak Pesawat Eksekutif Kerajaan Airbus Corporate Jetliner 320 (ACJ320) memulakan perkhidmatan sehingga kini, sebanyak 42 penerbangan telah dilaksanakan yang melibatkan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri untuk tujuan rasmi negara. Kos penerbangan yang ditanggung Kerajaan bagi penerbangan-penerbangan ini adalah bersesuaian dan tidak melebihi kelayakan mereka.

Sekian. Terima kasih.